



Sila lampirkan Jadual Polisi
Please affix the Policy Schedule

Lifestyle Security

ACCIDENT PLAN

Dokumen Penting – Sila Simpan di tempat yang selamat

Ini Polisi anda. Sila baca dengan teliti dan simpan bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Polisi ini di tempat yang selamat supaya mudah dirujuk apabila perlu.

Important Documents – Please keep in a safe place

This is your Policy. Please read it carefully and keep it in a safe place with all other documents concerning to this Policy for easy reference in the future.

KENYATAAN MAKLUMAT POLISI

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:
Etiqa General Insurance Berhad (9557-T)
Level 13, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Oneline: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqa.com.my
Laman Web: www.etiqa.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Polisi ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan,
Etiqa General Insurance Berhad (9557-T)
Level 5, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
Nombor Faksimile: +603 2785 3093
E-mel: cmu@etiqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP) Bank Negara Malaysia juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada ahli di kalangan orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan, sekiranya Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa General Insurance Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa General Insurance Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my
atau

Nombor Faksimile: +603 2272 1577

atau

Alamat Pos:

Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur.

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa General Insurance Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa General Insurance Berhad atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 126 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa General Insurance sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BPP

Mana-mana Orang Yang Diinsuranskan atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Syarikat Insurans boleh menulis kepada BPP dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Syarikat Insurans dan nombor Polisi atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (sekiranya ada) antara Orang Yang Diinsuranskan atau Pihak Menuntut dan Syarikat Insurans juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Syarikat Insurans.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1300 88 5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
E-mel: bnmtelemailink@bnm.gov.my

POLISI LIFESTYLE SECURITY ACCIDENT PLAN

1. Polisi ini, Jadual dan Endorsmen, sekiranya ada, adalah bukti kepada perjanjian di antara Anda (Orang yang Diinsuranskan) dengan pihak Kami. Permohonan yang telah dibuat kepada Kami, dan maklumat penting yang didedahkan kepada Kami berkaitan dengan Insurans ini hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
2. Jika Anda gagal untuk mendedahkan kepada Kami secara penuh dan tepat, semua fakta yang Anda tahu atau sepatutnya tahu, atau jika Anda salah nyata mana-mana fakta penting kepada Kami sebelum Polisi dimulakan, Kami boleh mengetepikan Polisi ini.
3. Anda dikehendaki oleh Kami, sebelum Polisi ini diperbaharui atau diubah, untuk menjawab apa-apa soalan atau jika Anda diminta untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah dinyatakan oleh Anda kepada Kami berhubung dengan Polisi ini, ia adalah menjadi tanggungjawab Anda untuk mengambil langkah yang sewajarnya dan tidak membuat salahnyataan apabila menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah dinyatakan Anda dikehendaki secara berterusan mendedahkan sehingga mana Dasar ini dibuat, diubah atau diperbaharui.
4. Kewajipan Anda untuk mendedahkan seperti diatas hendaklah berterusan sehingga Polisi dibuat, diubah atau diperbaharui.
5. Sebarang penggunaan kata yang melambangkan bilangan satu akan meliputi kata ganti yang berbilang.

KELAYAKAN

Untuk layak mendapat perlindungan Polisi ini, Anda sebagai Orang yang Diinsuranskan yang dinamakan di dalam Jadual, mestilah merupakan Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi enam puluh lima (65) tahun pada Tarikh Insurans Berkuatkuasa.

Tertakluk kepada Anda adalah dilindungi, mereka yang berikut juga layak untuk menerima perlindungan ini:

- a) Pasangan Sah yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi enam puluh lima (65) tahun pada Tarikh Insurans Berkuatkuasa.
- b) Anak-anak termasuk anak tiri dan/atau anak angkat yang sah:
 - i. berumur sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan tidak melebihi umur lapan belas (18) tahun (atau tidak melebihi dua puluh tiga (23) tahun jika masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf atau diluluskan oleh pihak berkuasa tertentu) pada Tarikh Insurans Berkuatkuasa; dan
 - ii. bergantung sepenuhnya kepada Anda atau kepada Pasangan Sah Anda untuk bantuan kewangan; dan
 - iii. belum berkahwin.

WARANTI PREMIUM

Adalah asas dan syarat keistimewaan mutlak bagi kontrak Insurans ini bahawa Premium penuh perlu dibayar dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan Insurans di bawah Polisi ini, Endorsmen atau Pembaharuan, akan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Polisi ini akan secara automatik terbatal dan tidak sah. Tertakluk selainnya kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

a) Bayaran Premium Bulanan

Bayaran Premium bulanan bermaksud salah satu dari siri bayaran bulanan yang berterusan, di mana bayaran pertama hendaklah dibuat pada/sebelum Tarikh Insurans Berkuatkuasa sebagaimana tercatat di dalam Jadual dan bayaran untuk bulan-bulan yang berikutnya akan dibuat pada setiap bulan sesudah itu. Bayaran Premium akan didebit terus ke akaun Anda apabila tiba masanya. Polisi ini secara automatik akan dilanjutkan secara bulanan tertakluk kepada bayaran Premium. Tiada dokumen selanjutnya akan dikeluarkan sebagaimana Jadual menunjukkan tiada tarikh tamat.

b) Bayaran Premium Tahunan

Bayaran Premium tahunan bermaksud salah satu dari siri bayaran tahunan yang berterusan, di mana bayaran pertama hendaklah dibuat pada atau sebelum Tarikh Insurans Berkuatkuasa sebagaimana tercatat di dalam Jadual dan bayaran berikutnya akan dibuat pada setiap tahun sesudah itu. Bayaran Premium akan didebit terus ke akaun Anda apabila tiba masanya. Polisi ini diperbaharui secara tahunan. Kami berhak untuk memperbaharui, membatalkan/mengendors ke atas pembaharuan tahunan Polisi ini. Tiada dokumen selanjutnya akan dikeluarkan sebagaimana Jadual menunjukkan tiada tarikh tamat.

TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Polisi ini adalah berkuatkuasa bagi tempoh satu (1) tahun dari Tempoh Insurans Berkuatkuasa dan boleh diperbaharui setiap tahun berikutnya. Pada setiap pembaharuan tersebut, Polisi boleh diperbaharui pada kadar premium yang berkuatkuasa pada masa itu dan sebarang perubahan dalam premium semasa pembaharuan akan diberitahu secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pertukaran berkuatkuasa. Polisi ini diperbaharui atas budi bicara Kami.

DEFINISI AM

Kemalangan bermaksud suatu kejadian yang ganas, kemalangan, luaran dan jelas kelihatan secara langsung, yang berlaku dalam Tempoh Insurans, yang mana bebas daripada sebab-sebab lain yang mengakibatkan Kecederaan Badan atau kematian.

Pampasan bermaksud Pampasan yang dinyatakan di dalam Polisi, Jadual dan/atau Endosmen, dibayar oleh Kami mengikut syarat khas, pengecualian dan syarat Polisi ini berkenaan setiap kejadian atau kerugian yang dilindungi oleh Polisi ini.

Kecederaan Badan bermaksud Kecederaan Badan yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan akibat Kemalangan.

Tarikh Insurans Berkuatkuasa bermaksud tarikh berkuatkuasa di dalam Jadual.

Endosmen bermaksud bukti bertulis tentang pindaan yang telah dipersetujui bagi Polisi ini.

Sehari Kemasukan ke Hospital bermaksud sehari kemasukan ke hospital sebagai pesakit untuk tempoh minimum dua puluh empat (24) jam dengan syor daripada pengamal perubatan.

Orang yang Diinsuranskan bermaksud Anda, Pasangan Sah Anda dan/atau Anak-anak Sah Anda bergantung kepada Skim yang Anda pilih untuk mendapat perlindungan di bawah Polisi ini. Skim yang Anda pilih sama ada:

- **Diri Sendiri** bermaksud Anda sahaja; atau
- **Diri Sendiri dan Pasangan** bermaksud Anda dan Pasangan Anda; atau
- **Diri Sendiri dan Anak-anak** bermaksud Anda dan Anak-Anak Sah Anda; atau
- **Diri Sendiri dan Keluarga** bermaksud Anda, Pasangan Sah Anda dan/atau Anak-anak Sah Anda.

Pasangan Sah bermaksud pasangan Peserta melalui perkahwinan yang sah seperti yang telah diisytiharkan dan dinyatakan di dalam Polisi, Jadual dan/atau Endorsemen di bawah Undang-Undang dan Enakmen Islam Malaysia atau di bawah the Law of Reform (Marriage & Divorce) Act 1976.

Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Tangan bermaksud:

- a) Kudung keseluruhan tangan; atau
- b) Kudung keempat-empat jari pada paras pangkal jari yang bersambung dengan tapak tangan; atau
- c) Kehilangan menyeluruh yang kekal bagi penggunaan tangan atau keempat-empat jari.

Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Kaki bermaksud:

- a) Kudung sebelah kaki (pada paras atau atas daripada buku lali); atau
- b) Kehilangan menyeluruh yang kekal bagi penggunaan sebelah kaki.

Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Anggota bermaksud:

- a) Kudung sebelah tangan (pada paras atau atas pergelangan); atau
- b) Kudung sebelah kaki (pada paras atau atas dari buku lali); atau
- c) Kehilangan menyeluruh yang kekal bagi penggunaan tangan, lengan atau kaki.

Kehilangan Daya Penglihatan bermaksud kehilangan mata secara fizikal mata atau kehilangan penglihatan yang kekal dan menyeluruh, yang mana akan dipertimbangkan sebagai telah berlaku:

- a) Pada kedua-dua belah mata sekiranya ianya telah disahkan oleh pakar oftalmik bertauliah yang berdaftar. Walaubagaimanapun, Kami berhak mendapatkan pendapat kedua; atau
- b) Pada sebelah mata sekiranya darjah penglihatan yang tinggal selepas dipulihkan hanya 1/60 atau kurang berdasarkan Skala 'Snellen' (bererti Anda boleh melihat pada jarak satu kaki objek yang berjarak enam puluh (60) kaki). Walaubagaimanapun, Kami berhak mendapatkan pendapat kedua.

Penyakit Sedia Ada bermaksud hilang upaya yang mana Orang yang Diinsuranskan mengetahui kewujudannya. Orang yang Diinsuranskan dianggap mengetahui kewujudan Penyakit Sedia Ada sekiranya berlaku salah satu keadaan di bawah:

- a) Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan; atau
- b) Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah dicadangkan; atau
- c) Simptom-simptom adalah jelas dan nyata terbukti; atau
- d) Kewujudannya adalah jelas kelihatan kepada seorang yang munasabah apabila melihat keadaannya.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh bermula dari Tarikh Insurans Berkuatkuasa di mana perlindungan di bawah Polisi ini berkuatkuasa.

Jadual bermaksud helaian maklumat yang mengandungi butir-butir peribadi Orang yang Diinsuranskan, Pampasan, Premium dan Tempoh Insurans yang dilampirkan bersama Polisi ini.

Kami bermaksud Etiqa General Insurance Berhad (9557T).

Anda/Orang yang Diinsuranskan bermaksud Orang yang Diinsuranskan yang dinamakan di dalam Jadual.

Data Peribadi mempunyai erti yang sama seperti yang terkandung di bawah Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi merujuk kepada data peribadi yang diberi oleh Orang yang Diinsuranskan, Orang yang Diinsuranskan atau pihak ketiga yang diberi kuasa berkaitan dengan Polisi Insurans.

Data Peribadi tidak termasuk maklumat mengenai individu yang berada dalam domain awam.

PERLINDUNGAN

Jumlah Pampasan Anda adalah berdasarkan jenis Pelan yang Anda pilih seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi ini.

| BAHAGIAN-BAHAGIAN SEKSYEN | Jumlah Manfaat (RM) | | |
|---|---------------------|------------|---------------|
| | Pelan Perak | Pelan Emas | Pelan Berlian |
| Seksyen 1 – Lumpuh Menyeluruh yang Kekal | | | |
| a) Lumpuh Menyeluruh yang Kekal atau gila sepenuhnya atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal. | 100,000 | 250,000 | 350,000 |
| b) Tunai Perubatan bagi lumpuh kekal keseluruhan atau gila sepenuhnya atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal. | 30,000 | 75,000 | 105,000 |
| c) Pampasan Hilang Pendapatan | 30,000 | 75,000 | 105,000 |
| d) Pampasan Pemulihan | 40,000 | 100,000 | 140,000 |

| Pampasan Maksimum Dibayar bagi Seksyen 1 | 200,000 | 500,000 | 700,000 |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
| Pampasan 1b, 1c dan 1d di atas hanya akan dibayar bersama Pampasan 1a sekaligus apabila berlakunya lumpuh kekal keseluruhan atau gila sepenuhnya atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal. | | | |
| Seksyen 2 – Lain-lain Hilang Upaya Kekal | | | |
| a) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal pada penglihatan kedua-dua belah mata atau penggunaan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki atau kedua-dua belah tangan dan kaki atau kombinasi daripadanya. | 100,000 | 250,000 | 350,000 |
| b) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi daya Pertuturan. | 100,000 | 250,000 | 350,000 |
| c) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Pendengaran kedua-dua belah telinga. | 100,000 | 250,000 | 350,000 |
| d) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Penglihatan sebelah mata atau penggunaan satu tangan atau satu kaki. | 50,000 | 125,000 | 175,000 |
| e) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi pendengaran sebelah telinga. | 20,000 | 50,000 | 70,000 |
| f) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi penggunaan bahu, siku, pinggul, lutut, pergelangan tangan atau kaki. | 20,000 | 50,000 | 70,000 |
| g) Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi penggunaan atau kehilangan akibat dikudungkan bagi: | | | |
| i) Satu ibu jari. | 20,000 | 50,000 | 70,000 |
| ii) Satu jari telunjuk. | 10,000 | 25,000 | 35,000 |
| iii) Mana-mana jari lain atau satu ibu jari kaki. | 5,000 | 12,500 | 17,500 |
| iv) Mana-mana jari kaki. | 2,000 | 5,000 | 7,500 |
| Seksyen 3 – Pampasan Hospital | | | |
| Kami akan membayar elaun kemasukan ke Hospital bagi Setiap Hari Kemasukan ke Hospital akibat daripada Kemalangan sehingga maksimum sembilan puluh hari (90) hari dalam mana-mana satu Tempoh Insurans tahunan. | 80 setiap hari | 200 setiap hari | 280 setiap hari |
| Seksyen 4 – Tunai Ihsan | | | |
| Kami akan membayar tunai ihsan kepada keluarga Orang yang Diinsuranskan sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal akibat daripada Kemalangan. | 10,000 | 25,000 | 35,000 |

Kelayakan Pampasan untuk Anak-Anak

Anak-anak Orang yang Diinsuranskan adalah dilindungi di bawah Polisi ini tetapi hanya terhad kepada 20% daripada Jumlah Manfaat berkaitan yang dinyatakan di dalam Seksyen Perlindungan ini berdasarkan pelan yang dipilih dan tertakluk kepada syarat khas, pengecualian dan syarat-syarat di bawah ini.

SYARAT KHAS YANG DIPERUNTUKKAN DALAM SEKSYEN 1 DAN SEKSYEN 2

1. Sekiranya Anda membuat tuntutan bagi Jumlah Pampasan Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Tangan atau Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi Kaki, maka Anda tidak boleh membuat tuntutan Pampasan bagi bahagian-bahagian tangan atau kaki tersebut.
2. Jumlah keseluruhan Pampasan Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi sebahagian Tangan atau Kehilangan Menyeluruh yang Kekal bagi sebahagian Kaki tidak akan melebihi Jumlah Pampasan yang dibayar bagi kehilangan kekal menyeluruh bagi keseluruhan tangan atau kaki.
3. Sekiranya Anda membuat tuntutan lebih daripada satu bentuk Hilang Upaya Kekal yang dialami dalam mana-mana Kemalangan, maka jumlah keseluruhan dibayar tidak akan melebihi Jumlah Pampasan yang dibayar bagi Lumpuh Menyeluruh yang Kekal.
4. Sebelum Kami membayar Pampasan Lumpuh Menyeluruh yang Kekal, atau Pampasan Lain-Lain Hilang Upaya Kekal, ia hendaklah berlanjutan dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dan telah dibuktikan akan berkekalan dan dijangka tidak dapat dipulihkan.
5. Kadangkala kesan penuh akibat Kemalangan tidak begitu ketara pada waktu kemalangan dan walaupun Hilang Upaya Kekal boleh berlaku semasa Kemalangan, Kami perlu menunggu bagi satu jangka masa yang berpatutan untuk memastikan kesan penuh kecederaan yang sebenarnya adalah kekal sepenuhnya dan tiada harapan untuk pulih.
6. Segala Pampasan Lumpuh Menyeluruh yang Kekal dan Pampasan Lain-lain Hilang Upaya Kekal tidak akan dibayar sekiranya Jumlah Pampasan bagi Seksyen 4 - Tunai Ihsan dibayar berkait dengan Kemalangan yang sama.
7. Perlindungan Polisi ini akan tamat selepas pembayaran penuh Jumlah Pampasan di bawah Seksyen 1(a), 2(a) hingga 2(c) atau 4.

PENGECCUALIAN AM (DIPERUNTUKKAN UNTUK SEMUA SEKSYEN)

Kami tidak akan membayar bagi mana-mana Pampasan di bawah Polisi ini yang disebabkan atau disumbangkan oleh/kepada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

1. Tindakan yang disengajakan, jenayah atau tindakan haram;
2. Bunuh diri atau percubaan membunuh diri, pembunuhan atau serangan akibat provokasi atau kecederaan yang disengajakan;
3. Penyakit Sedia Ada, kecacatan fizikal atau keuzuran;
4. Tekanan, kekacauan mental;
5. Komplikasi bersalin, kelahiran anak, keguguran atau pengguguran anak;
6. Sebarang keadaan yang timbul daripada komplikasi penyakit venereal;
7. Penggunaan alkohol atau dadah yang tidak disahkan oleh atau tidak mematuhi preskripsi pengamal perubatan;
8. Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV), sebarang keadaan berkaitan dengan Sindrom Hilang Daya Ketahanan Badan (AIDS) dan komplikasi berkaitan AIDS (ARC);
9. Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif;
10. Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, penglibatan secara langsung dalam aktiviti-aktiviti pengganas, rusuhan, mogok, pemberontakan dan kegemparan awam;
11. Terlibat atau mengambil bahagian dalam sebarang (darat, laut atau udara) polis, perkhidmatan bomba atau sebarang operasi, perkhidmatan atau pekerjaan ketenteraan;
12. Terlibat dalam penerbangan atau lain-lain aktiviti penerbangan kecuali sebagai penumpang yang berbayar dalam penerbangan komersial;
13. Terlibat dalam aktiviti menyelam, melombong, penggergajian, kerja-kerja kayu, kerja-kerja bawah tanah, pembuatan atau pengendalian bahan letupan, pengilangan gas, atau semasa bertugas sebagai pengawal keselamatan yang bersenjata, krew perkapalan, krew carigali minyak, nelayan; atau
14. Terlibat dalam latihan atau melakukan atau mengambil bahagian di dalam;
 - a) Sebarang aktiviti di bawah air dengan penggunaan alat bantuan pernafasan atau kegiatan menyelam; atau
 - b) Mendaki batu atau mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau penunjuk arah, mendaki gunung, bukit atau tebing tinggi, menaiki papan luncur atau meluncur dengan sepatu roda; atau
 - c) Mengembara gua, mengembara di kawasan terpencil melainkan ditemani penunjuk arah berlesen; atau
 - d) Payung terjun, peluncuran gantung, lompatan bungee atau sebarang aktiviti terjunan; atau
 - e) Sukan musim dingin (tidak termasuk permainan lempar batu di atas ais beku dan meluncur), pemburuan, permainan polo, perlumbaan merentasi halangan, bermain ski atau sebarang aktiviti perlumbaan selain daripada berjalan kaki; atau
 - f) Seni pertahanan diri; atau
 - g) Sebarang jenis sukan professional.

**SYARAT – SYARAT AM
(DIPERUNTUKKAN UNTUK SEMUA SEKSYEN)**

1. Kelayakan Pemastautin

Sekiranya berlaku pertukaran negara tempat tinggal, Orang yang Diinsuranskan hendaklah memberitahu Kami secara bertulis dan perlindungan Insurans terhadap Orang yang Diinsuranskan akan ditamatkan berkuatkuasa dari tarikh Orang yang Diinsuranskan meninggalkan Malaysia. Bagi tujuan ini, pertukaran negara tempat tinggal bermaksud tinggal atau berniat untuk tinggal di luar Malaysia melebihi dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut.

2. Kehilangan

Jika Orang yang Diinsuranskan ini hilang, semasa perlindungan Insurans ini masih berkuatkuasa dan:

- jasadnya tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun selepas kehilangannya, dan
- bukti yang mencukupi untuk memuaskan Kami dan membawa kepada kesimpulan bahawa dia mengalami kecederaan badan akibat kemalangan dan kecederaan tersebut menyebabkan kematiannya,

Kami akan membayar Pampasan kematian di bawah kontrak Insurans ini. Bayaran ini hanya akan dibuat dengan syarat bahawa orang yang akan dibayar ini perlu menandatangani aku janji untuk memulangkan wang yang telah dibayar kepada Kami jika Orang yang Diinsuranskan kemudiannya didapati masih hidup.

3. Salahnyataan/Penipuan

Sekiranya cadangan atau pengakuan Orang yang Diinsuranskan tidak benar dalam sebarang bahagian atau sekiranya sebarang fakta material berkaitan risiko tersebut dinyatakan secara tidak betul di dalamnya atau sengaja tidak dinyatakan di dalamnya atau sekiranya Insurans ini dimiliki melalui sebarang salahnyataan, gambaran atau penerangan yang salah atau secara paksaan atau sekiranya sebarang pengakuan atau pernyataan yang tidak betul dibuat dalam menyokong perkara tersebut maka dalam sebarang kes sebagaimana disebutkan, Insurans ini akan menjadi batal.

4. Syarat Penarikan Balik Portfolio

Kami mempunyai hak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan sekiranya Kami memutuskan untuk tidak lagi menyambung pengunderaitan produk insurans ini. Orang yang Diinsuranskan akan diberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pembatalan portfolio secara keseluruhan dan Kami akan menguruskan semua Polisi sehingga tempoh perlindungan tamat dalam portfolio.

5. Bayaran Pampasan

Sebarang Pampasan di bawah Polisi ini akan dibayar kepada Orang yang Diinsuranskan atau penama yang dinyatakan di dalam Jadual atau wakilnya seperti yang dinyatakan di dalam Jadual. Sebarang penerimaan bayaran oleh Orang yang Diinsuranskan atau penama atau wakil akan dianggap muktamad dan Kami akan melepaskan dari sebarang liabiliti berkaitan dengan Pampasan tersebut.

6. Pekerjaan Pentadbiran/Perlindungan Diluar Waktu Bekerja

Sekiranya Anda bekerja dibawah mana-mana pekerjaan yang dikecualikan dalam Pengecualian 11, Anda masih boleh Diinsuranskan dibawah Polisi ini dengan syarat:-

- a) Anda digaji untuk melakukan kerja-kerja pengkeranian/pengurusan (*desk-work*) sahaja;
- b) Anda tidak bertugas dan atau telah pun berada di daratan pada masa Kemalangan berlaku dan Kecederaan Badan tidak timbul pada masa bertugas atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Anda.

7. Fasal Had Sekatan

Polisi ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

8. Syarat-syarat Tuntutan

a) Pemberitahuan Kemalangan

Semua tuntutan mestilah dibuat sendiri atau menerusi wakil Anda atau waris yang sah di sisi undang-undang kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari tentang apa-apa Kematian atau Kecederaan yang mungkin mengakibatkan tuntutan di bawah Polisi ini.

b) Dokumen

Semua laporan perubatan, Polisi, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh Kami untuk menyokong tuntutan mestilah dikemukakan atas tanggungan anda atau tanggungan mana-mana orang yang menuntut dalam kejadian kematian Orang yang Diinsuranskan. Jika Orang yang Diinsuranskan diperlukan oleh Kami untuk menjalani pemeriksaan lanjutan, kos tersebut haruslah ditanggung oleh Kami. Dalam kejadian kematian Orang yang Diinsuranskan, Kami memerlukan siji kematian sebagai bukti dan mungkin memerlukan laporan bedah siasat dibuat atas tanggungan Anda.

Tuntutan adalah dianggap sebagai tidak lengkap dan kelayakan Pampasan tidak akan dibayar melainkan jika laporan perubatan, Polisi, maklumat dan keterangan untuk tuntutan tersebut telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Kami. Bagi tuntutan untuk Pampasan yang berkaitan dengan pembayaran balik perubatan, hanya kos sebenar yang ditanggung iaitu keperluan perubatan akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik tertakluk kepada pengemukaan resit asal.

c) Penyelesaian Tuntutan

- i. kami akan membayar apa-apa Pampasan di bawah Polisi ini kepada Anda, atau waris Anda sekiranya berlaku kematian terhadap Anda mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- ii. bayaran tuntutan di bawah Polisi ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syarat oleh Anda, dan setakat mana ia dikenakan, oleh Orang yang Diinsuranskan atau mana-mana pihak menuntut.
- iii. sekiranya berlaku kemalangan yang layak dibuat tuntutan dan pihak Kami telah membayar Pampasan Kematian atau Hilang Seluruh Keupayaan Kekal seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Polisi, maka Polisi ini akan luput.

9. Subrogasi

Sekiranya Kami menjadi bertanggungjawab bagi sebarang bayaran di bawah Polisi ini, Kami akan disubrogasikan tertakluk kepada had bayaran tertentu untuk semua hak dan remedi Orang yang Diinsuranskan terhadap sebarang pihak dan adalah berhak atas perbelanjaan sendiri untuk menyaman menggunakan nama Orang yang Diinsuranskan. Orang yang Diinsuranskan akan memberikan atau akan menyebabkan untuk diberikan kepada Kami semua bantuan tertentu dalam kuasa Orang yang Diinsuranskan sebagaimana Kami akan perlukan untuk mendapat hak dan remedi dan atas permintaan Kami hendaklah menandatangani atau menyebabkan untuk ditandatangani semua dokumen sewajarnya bagi membolehkan Kami secara berkesan menyampaikan saman menggunakan nama Orang yang Diinsuranskan.

10. Faedah dan Mata Wang

Semua bayaran di bawah Polisi ini akan dibayar mengikut Ringgit Malaysia.

11. Insurans/Takaful Lain

Seseorang itu tidak boleh diinsuranskan lebih daripada satu Polisi Insurans Lifestyle Security Accident Plan atau Polisi Insurans atau Sijil Takaful yang bersamaan dengannya yang dikeluarkan oleh Kumpulan Etiqa. Sekiranya Orang yang Diinsuranskan mempunyai perlindungan lebih daripada satu Polisi atau Sijil, Kami akan menganggap bahawa orang itu diinsuranskan di bawah Polisi atau Sijil pertama yang dikeluarkan (jika Pampasan di bawah setiap Polisi atau Sijil tersebut adalah serupa sama sekali) atau Polisi atau Sijil yang menawarkan Pampasan paling tinggi dan Kami akan mengembalikan sebarang premium atau sumbangan yang telah dibayar oleh Orang yang Diinsuranskan atau wakil Orang yang Diinsuranskan untuk perlindungan yang satu lagi.

12. Notis Penyerahan Amanah atau Hak

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, tugas atau urusan lain atau seumpamanya yang berkaitan dengan Polisi ini.

13. Timbangtara

Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini akan dirujuk kepada dan diputuskan oleh seorang Pengantara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika tidak dapat memilih seorang Pengantara yang dipersetujui bersama, dua orang Pengantara akan dilantik untuk membuat keputusan, setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak. Jika pemilihan Pengantara tidak mendapat persetujuan bersama, seorang Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Pengantara. Pengadil akan mempengerusikan mesyuarat yang dihadiri bersama para Pengantara. Kos pengadilan

dan bayaran award tertakluk kepada pertimbangan pengantara-pengantara atau pengadil yang membuat keputusan. Adalah ditetapkan dan disyiharkan di sini, bahawa sebelum sebarang tindakan atau tuntutan dibuat ke atas Polisi ini, award yang ditentukan oleh Pengantara, Pengantara-pengantara atau Pengadil seumpama ini, untuk amaun Faedah yang dipertikaikan, hendaklah diperolehi dahulu.

14. Pindaan

Kami mempunyai hak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terdahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir Orang yang Diinsuranskan yang diketahui dalam rekod-rekod Kami. Tiada pindaan kepada Polisi ini adalah sah kecuali dibenarkan oleh Kami dan kelulusan sedemikian diberi pengendorsan ke atasnya.

15. Penamatan Polisi

a) Penamatan Oleh Orang yang Diinsuranskan

Jika Orang yang Diinsuranskan memberi notis secara bertulis kepada pihak Kami untuk menamatkan Polisi, maka penamatan itu akan berkuatkuasa daripada tarikh notis diterima oleh Kami atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis atau mana-mana tarikh yang terkemudian. Kami akan mengembalikan premium bagi tempoh yang belum tamat dengan kadar pro-rata dengan syarat tiada tuntutan dibuat kepada Kami berkaitan Tempoh Insurans tersebut. Bagaimanapun, tiada pengembalian akan diberikan kepada Anda sekiranya premium tersebut berjumlah RM10.00 dan ke bawah.

b) Penamatan Secara Automatik

Perlindungan insurans Polisi ini akan tamat:

- i. selepas kematian Orang yang Diinsuranskan; atau
- ii. apabila kedua-dua Orang yang Diinsuranskan dan Pasangan Sah tidak layak sebagai orang yang diinsuranskan; atau
- iii. semua Orang yang Diinsuranskan telah hilang kelayakan disebabkan umur, pertukaran pekerjaan dan/atau Kelayakan Kemastautinan; atau
- iv. selepas pembayaran penuh Jumlah Pampasan di bawah Seksyen 1(a), 2(a) hingga 2(c) atau 4.

c) Penamatan Oleh Kami

Kami akan memberi notis penamatan dengan surat berdaftar kepada Orang yang Diinsuranskan di alamat yang terakhir yang diketahui. Penamatan yang seperti itu akan berkuatkuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut. Kami akan mengembalikan premium bagi tempoh yang belum tamat dengan kadar pro-rata dengan syarat tiada tuntutan dibuat kepada Kami berkaitan Tempoh Insurans tersebut. Bagaimanapun, tiada pengembalian akan diberikan kepada Anda sekiranya premium tersebut berjumlah RM10.00 dan ke bawah.

d) Premium Bulanan yang Tidak Dijelaskan

Jika premium permulaan yang dicajkan ke akaun Orang yang Diinsuranskan tidak dibayar, Polisi ini akan dianggap tidak sah dari tarikh permulaan. Jika satu atau lebih premium telah dijelaskan tetapi premium yang berikutnya tidak dibayar, maka ia akan mengakibatkan penamatan Polisi dari tarikh premium yang tidak dibayar itu sepatutnya dibayar. Tiada bayaran balik premium akan dibuat.

e) Masa Efektif Penamatan

Polisi ini akan luput pada pukul 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh penamatan berkenaan.

16. Tempoh Percuma

Anda mempunyai hak untuk memulangkan Polisi ini dalam masa lima belas (15) hari selepas Kami menghantarnya kepada Anda, atas sebarang sebab, dan sekiranya dipulangkan, Polisi ini akan dianggap tidak sah dari permulaan dan sebarang Premium yang telah dibayar akan di bayar balik kepada Anda, selepas ditolak mana-mana fi pemeriksaan perubatan yang dikenakan.

17. Tanggungjawab dan dan Hak Terhadap Data Perlindungan

Kami berhak untuk memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi yang telah diberikan oleh Anda sebagaimana yang dituntut berdasarkan konteks, kepada:

- a) Etiqa General Insurance Berhad, Etiqa Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd.;
- b) Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank;
- c) Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan Kami yang diberi kuasa yang dengannya Kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami;
- d) Syarikat insurans atau pengendali takaful lain dan wakil pengedar (contohnya, bank, bank-bank Islam, broker insurans, broker takaful, syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula);
- e) Pertubuhan Perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);
- f) Pedagang dan rakan kongsi strategik Kami;
- g) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Anda (dari semasa ke semasa); atau
- h) Penguatkuasaan peraturan dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajiban kepada pihak berkuasa.

Anda perlu memastikan semua Data Peribadi dikemaskini kepada Kami pada kadar segera.

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung terhadap Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.

Kami dari semasa ke semasa berhak untuk meminta Anda untuk memberikan Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi tujuan Polisi ini.

Sebelum memberikan Kami Data Peribadi Orang Yang Dilindungi, atau mana-mana individu, Anda hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.

Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Oneline di talian 1300 13 8888, atau rujuk ke laman web Kami di www.etiqa.com.my

18. Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Polisi dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Polisi masing-masing dengan segera. Kami akan berurusan dengan semua Premium yang dibayar dan semua Pampasan atau wang yang perlu dibayar berkenaan dengan Polisi melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

19. Perubahan kepada Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami berhak mengubah terma-terma Polisi ini sebagaimana Kami fikirkan sesuai dan adil, sekiranya terdapat perubahan dalam percukaian, perundangan, atau peraturan yang mempengaruhi Polisi ini. Kami akan memaklumkan kepada Anda dalam masa tiga (3) bulan sebelum Kami mengubah terma-terma di dalam Polisi ini.

Jika sebarang bekalan perkhidmatan dibuat di bawah Polisi ini adalah pembekalan barang bercukai di mana Cukai Barangan dan Perkhidmatan Malaysia (GST) akan terpakai, maka Kami berhak untuk mengenakan cukai GST pada kadar yang telah ditetapkan dan Anda setuju membayar jumlah GST tersebut.

Jika GST tidak dibayar oleh Anda kepada Kami yang dikehendaki diperolehi semula melalui apa-apa proses perundangan, atau jika GST tersebut atau mana-mana bahagian GST tersebut akan diletakkan di bawah peguam untuk tujuan kutipan, Anda perlu membayar (sebagai tambahan kepada GST dibayar) bayaran peguam Kami dan sebarang bayaran dan perbelanjaan yang ditanggung dalam membuat kutipan tersebut sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah undang-undang.

20. Penamaan

Jika Anda ialah Pemilik Polisi dan juga Orang Diinsurankan, Anda boleh menamakan seseorang untuk menerima wang polisi yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

- a) Bagi Orang Beragama Islam, Penama hendaklah membahagikan Manfaat seperti yang dinyatakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 menurut Undang-undang Islam dan/atau mana-mana undang-undang yang berkaitan.
- b) Bagi Orang Bukan Beragama Islam, Penama akan bertindak sebagai wasi untuk membahagikan Manfaat seperti yang dinyatakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan atau mana-mana undang-undang yang berkaitan.

Jika Anda ingin Penama Anda menerima wang polisi bagi manfaat dirinya sendiri dan bukan sebagai wasi untuk membahagikan wang polisi menurut undang-undang, maka Anda hendaklah menyerahkan hak Polisi ini kepada Penama Anda.

